

MENCAPAI KETINGGIAN DUNIA AKHIRAT

KEWAJIPAN MANUSIA DI MEDAN AKHLAK

Tiap-tiap orang yang siuman akalinya tahu dan mengaku akan kewajipan yang terkandung di atas manusia berkenaan dengan perkara mendapatkan sifat-sifat perangai yang baik dan menjauhi sifat-sifat perangai yang tiada baik.

Apa dia yang dikatakan sifat-sifat perangai yang baik dan mulia itu pun semua orang sedia tahu sendiri tahu pun patut tahu sendiri – sekurang-kurangnya boleh memikirkan sendiri. Demikian pula apa-apa sifat yang sebaliknya iaitu sifat-sifat perangai yang keji dan rendah dan hina. Kerana perasaan dan pengenalan bagi membezakan di antara baik dengan jahat dan hina dengan mulia itu sedia tertanam di dalam tabiat kejadian manusia. Tinggal lagi adakah hendak diikutinya atau tidak seruan-seruan baik yang ada di dalam dirinya itu, dan adakah hendak dijauhinya dan di lawannya atau tidak seruan-seruan jahat yang ada di dalam dirinya itu pula, terserahlah kepada dirinya sendiri.

TAK LEBIH ARAB DARIPADA AJAM

OLEH ZA'BA

III

Akan tetapi sebahagian besar daripada kecenderungan hendak “mengikut” baik dan “menjauhi” jahat atau tidak hendak mengikut dan menjauhi itu tergantung kepada asuhan dan didikan yang diperolehinya dari kecil, dan kepada pengaruh percampuran dan contoh tauladan yang mengilingi dia dan mendorong fikirannya, dan juga kepada jenis pelajaran atau tiada pelajaran yang telah membajai benih-benih keperangaian itu di dalam dirinya. Pengaruh-pengaruh didikan dan percampuran dan pelajaran atau tiada pelajaran ini memberi bekas pada menajamkan atau menumpulkan pengenalan seseorang itu akan perkara baik dan jahat, betul dan salah dalam perjalanan hidupnya.....

Seorang budak umpamanya harus tidak sedar bahawa perbuatannya melempar atau melastik burung dan menyakiti anak kucing dan mengkoyak-koyak sayap-sayap rama-rama dan kumbang


itu ialah suatu perbuatan yang aniaya dan jahat:

kerana tiada siapa mengingatkan dia akan kezaliman itu, tidak diajar oleh ibu bapanya atau oleh guru Qurannya pasal perangai kasihan dan jangan aniaya kepada makhluk Tuhan. Bahkan kerap kali banyak orang-orang dikelilingi memuji dia pula mengatakan dia “pandai melastik” dengan sekali tuju kena dan pecah tembuluk anak burung itu jatuh ke tanah!

Demikian pula seorang yang sudah dewasa dan sudah dapat pelajaran cara Eropah sahaja : Jika keadaan hidupnya sentiasa mengira-ngira hendak kaya, hendak senang bagi dirinya, hendak bersuka-suka dan bersedap-sedap gemar berdansa (*ber-dancing*) minum-minum dan sebagainya, atau jika tujuan hidupnya hanya hendak dapat pangkat dan nama dan harta sahaja dalam dunia ini, dengan tiada terlintas di dalam hatinya hendak memperbaiki pihak-pihak dirinya yang batil, pihak otak, pihak fikiran, pihak jiwa dan rohani, pihak membuat kebajikan dan amal baik yang sebenar dan jasa baik yang sebenar – maka yang demikian ialah sebab pengaruh pelajarannya yang sepihak sahaja itu menjadikan pemandangannya berat sebelah, tidak ia mengerti

cukup dari hal pihak yang satu lagi yang lebih halus,
lebih tinggi dan lebih mulia.

Demikian juga orang-orang yang telah mendapat pelajaran agama cara tua selorong sahaja seumur hidupnya, dengan tiada mengambil tahu sedikit pun pasal pelajaran dunia dan pengetahuan-pengetahuan hal ehwal dunia, maka ia pun akan jadi berat sebelah kepada alur pelajaran jenis yang ada kepadanya itu sahaja, sehingga ia menghinakan dunia dan banyak nikmat-nikmat kurniaan Tuhan yang baik-baik menjadi haram kepadanya serta dilarangnya orang lain pula: dan ia hanya sentiasa berkira-kira hendak sembahyang, membaca doa berwirid dan berzikir sahaja kerjanya siang dan malam, tiada mahu dan tiada tahu masuk percampuran dan tidak mengerti sama sekali hal ehwal kehidupan dunia! Kepada orang-orang yang demikian, tidak ada agama melainkan taklik: tidak ada kebebasan akal dan fikiran melainkan mengikut keputusan orang dahulu-dahulu sahaja - jangan timbang sendiri, atau siasat sendiri atau uji sendiri, tiada siapa yang ada rupa atau ada biji mata pada zaman ini boleh berbuat begitu, dan tiada siapa yang akan ada rupa membuatnya sampai bila-bila pun! Pintu ijihad sudah tertutup! Demikian lagi, kepada orang yang berpendapat seperti itu, tidak boleh ada pergaulan atau perjumpaan di antara lelaki dengan perempuan melainkan dengan maksud cemar sahaja “tak akan boleh bersih” perempuan itu tidak ada gunanya melainkan untuk jadi isteri dan gundik dan permainan sahaja, sementara belum dapat bidadari di syurga! Oleh itu kerap kali apabila orang-orang yang demikian melihat seseorang perempuan yang agak elok sedikit maka sudahlah bangun sahaja nafsunya dan hatinya pun mulai berkira-kira hendak meminang atau minta pinangkan kepada murid-muridnya!.... tidak ada pelajaran dan tidak ada kebebasan bagi perempuan! Maka sesungguhnya segala sebab-sebab inilah banyak orang yang berpelajaran dan berpengetahuan cara zaman sekarang baik lelaki atau perempuan selalu lari daripada mereka itu dan lari daripada



*Suatu bahagian dalam ruangan hendak masuk ke istana
“Al-Qasr” Ishbiliah di Spain. Ini adalah menunjukkan salah
satu tanda-tanda kebesaran Islam pada masa yang telah lalu yang
hanya tinggal bekas-bekasnya sahaja lagi.*

agama cara yang mereka ajarkan itu!!

Maka daripada misal yang telah ditunjukkan ini nyatalah kecenderungan seseorang hendak mengikut “itu” atau “ini” dalam medan akhlak itu tergantung sebahagian besarnya kepada cara didikan dan pelajaran atau ketiadaan didikan dan pelajaran yang telah diperolehinya dari kecil dan sepanjang umurnya. Demikian pula tergantung ia kepada pengaruh percampuran dan contoh tauladan yang ada disekelilingnya atau yang didapatinya daripada bacaan-bacaan atau perkara-perkara yang dibacanya jika ia pandai membaca. Ada pun tarikan jahat yang dikatakan

“hawa nafsu” dan “seruan iblis” dan sebagainya itu hanya boleh dapat bertapak dan menaklukkan seseorang apabila ada celah-celah laungan kosong di dalam batin diri seseorang terjadi daripada kekurangan salah satu seperti yang tersebut tadi itu – iaitu laungan kosong untuk tempat sifat-sifat keji itu dapat masuk bertakhta. Yang demikian ialah jika kelemahannya itu sebenar-benarnya kekurangan yang meninggalkan tempat kosong semata-mata.


Kedua-dua bahagian sifat-sifat perangai baik dan jahat itu menanggungkan beberapa kewajipan di atas manusia – kewajipan suruhan dan kewajipan larangan, kewajipan suruh buat dan kewajipan melarang jangan buat. Banyaknya kewajipan itu tidak dapat dihindangkan, melainkan mengikutlah sebanyak mana adanya sifat-sifat baik dan jahat yang boleh terjadi di dalam keperangaian diri tiap-tiap seorang tetapi kesimpulannya sekalian kewajipan itu boleh dihindangkan dalam dua susunan kata yang ringkas iaitu hendaklah berbuat segala yang betul dan baik pada timbangan akal yang insaf dan jangan berbuat segala yang salah dan jahat pada timbangan akal yang insaf pula. Sabda Nabi (SAW) (*ad'dina huwa aqlu...wa la dina liman la aqlu lahu*) ertinya: Agama itu ialah akal... dan tidak ada agama bagi orang yang tiada berakal. Maka dua simpulan “buat baik jangan buat jahat, inilah kesimpulan jalan yang betul atau “siratul mustaqim” yang kita sentiasa meminta kepada Tuhan dalam surah Al-Fatihah supaya ia memimpin kita kepadanya iaitu “jalan yang diberi nikmat kepada segala orang yang mengikut” dan jangan jalan yang lain daripada itu iaitu “jalan orang-orang yang dimurkai Tuhan dan orang-orang yang sesat” maka jalan betul yang tersebut inilah dia yang dikatakan “agama Islam”.

Segala kewajipan itu, samada yang suruhannya dan yang larangannya boleh terpecah kepada tiga bahagian yang besar, iaitu kewajipan-kewajipan kepada diri sendiri, suruhannya

dan jangannya : kewajipan-kewajipan kepada orang lain, suruhannya dan larangannya pula: kewajipan kepada Allah Tuhan yang menjadikan kita dan semesta alam, suruhannya dan jangannya pula.

Maka kewajipan-kewajipan kepada diri sendiri itu terutamanya ialah bagi faedah diri sendiri jua masing-masing – sekurang-kurangnya demikianlah pada zahirnya: seperti kewajipan menjaga kesihatan sendiri, kewajipan berjimat cermat pada belanja dan harta benda, kewajipan memelihara kehormatan diri, kewajipan bekerja berusaha dan beramal mencari kehidupan, kewajipan bersungguh-sungguh pada apa-apa kerja yang dibuat, kewajipan menuntut ilmu, kewajipan bergantung kepada diri sendiri dan serta itu berharap pula kepada taufik dan pertolongan Allah.... Dan lain-lain lagi.

Dalam pada itu sungguhpun pada zahirnya kewajipan-kewajipan demikian itu bagi faedah diri sendiri sahaja masing-masing -yakni siapa yang menyempurnakan dialah dapat faedahnya -tetapi jika diamati-diamati lebih halus dan lebih dalam nescaya nyatalah sekaliannya itu berkait mengait juga dengan faedah umum dan kebajikan bersama yang disekutui oleh orang lain. Kerana hidup manusia dalam dunia ini ialah hidup bersekutu dan bersangkut mengikut antara seorang dengan seorang, tiap-tiap seorang tidak dapat dan tidak boleh tercerai menunggal seasing-asingnya terputus betul daripada orang lain, masing-masing membawa dirinya seorang sahaja yang demikian itu tiada mamkin (mungkin) sekali-kali. Kehidupan kaum manusia ialah kehidupan bersama, kehidupan pergaulan, kehidupan masyarakat iaitu singgit menyinggit pada beberapa banyak hal ehwalnya, sindir menyindir dan sokong menyokong di antaranya yang tiada dapat dipisahkan tercerai betul seorang dengan seorang. Jika tercerai dan terasing betul, tiap-tiap seorang menunggal sendiri, nescaya kekuranganlah kedua-dua pihaknya itu dan harus jadi rosak dan terbahaya langsung. Keadaan demikian ini telah



Orang-orang Melayu di Afrika Selatan – adalah keturunan Melayu jati yang telah berada di sana beberapa lamanya. Di kanan ialah pemuda-pemudanya sedang ziarah di makam seorang imam yang berasal dari Mengkasar dan di kirinya ialah perempuan-perempuan Melayu sedang berkain cantik tatkala menyambut hari raya.

terbuntat jadi kata geliga dalam bidalan Melayu yang berkata “hidup manusia sindir menyindir, umpama aur dengan tebing” iaitu suatu pepatah hikmah yang amat benar tak dapat dicelah dicacat lagi. Jika dicungkah tebing nescaya terungkallah aur lalu dihanyutkan oleh air, dan jika dibuangkan pokok aur itu nescaya hilanglah kekuatan tebing dan akhirnya lalu runtuh ditumpu oleh air dan arus. Fikiran demikian ini juga didapati tergubah dalam serangkap syair arab:

Annasu linnasi min badwi wa hadharati

Baqdu libaqdi wa an lam yash'uru khadam

Ertinya: “manusia itu sesama manusia baik pun orang darat (orang ulu) atau orang bandar adalah antara seorang dengan seorangnya tiap-tiap seorang jadi khadam kepada yang lain, walaupun mereka tiada sedar akan yang demikian itu”.

Ada pun kewajipan-kewajipan kepada orang lain itu pula tertentu ia bagi faedah bersama jua, tidak terkhas bagi faedah diri orang yang menyempurnakannya itu sahaja

sungguh pun dalam faedah bersama itu tentulah ada termasuk juga faedah bagi diri masing-masing yang menyempurnakannya itu. Maka kewajipan kita kepada orang lain ini bolehlah dipecah pula kepada beberapa pecahan – iaitu kewajipan anak-anak kepada ibu bapanya, kewajipan ibu bapa kepada anak-anaknya, kewajipan isteri kepada suami dan suami kepada isteri. Kewajipan kepada saudara-saudara dan kaum kerabat, kewajipan sahabat kepada sahabatnya, kewajipan kepada jiran tetangga (orang-orang dekat rumah), kewajipan kepada tetamu, kewajipan murid-murid kepada guru-gurunya, kewajipan guru-guru kepada murid-muridnya, kewajipan kepada ketua dan sebaliknya, kewajipan seseorang kepada kerjanya, kewajipan rakyat kepada kerajaan dan sebaliknya, kewajipan seseorang kepada kaum bangsanya dan kepada negerinya, kewajipan kepada sekalian makhluk Allah, kewajipan kita kepada dunia dan kepada seluruh alam.


Maka kewajipan kita kepada Allah Taala itu pula ialah jumlah daripada sekalian kewajipan yang terhadap kepada diri sendiri dan kepada orang lain itu, kerana sesungguhnya

Allah Taalalah yang menanamkan perasaan dan pengenalan membezakan baik dan jahat, mulia dan keji, betul dan salah dan sebagainya itu di dalam tabiat dan tuangan kejadian manusia dari semulajadinya.

Allah Taalalah yang menetapkan undang-undangnya dan sukatananya segala baik dan jahat, betul dan salah itu dari sedia kala.

Seperti yang telah diutuskannya kepada manusia dalam berbagai-bagai agama mengikut masing-masing masanya dan zamannya dan masing-masing kemestiannya dari awal-awal dijadikan alam. Jadinya perbuatan menyempurnakan kewajipan kepada diri sendiri dan kepada orang lain itu bermaknalah menyempurnakan kewajipan kepada Allah juga, iaitu kewajipan taat menjunjung titah perintahnya, kewajipan menyempurnakan segala suruh larangannya yang telah ditanamkannya di dalam diri kita dan diterangkannya pula di dalam ajaran-ajaran agamanya Islam serta dicontohkan dalam kehidupan Rasulnya yang mulia (SAW).

Bahkan di dalam agama Islam adalah kelihatan dengan nyata bahawa kewajipan kita yang terkhas kepada Allah sahaja memang ada juga seperti yang tersusun dalam rukun Islam yang lima: iaitu syahadah, mengesakan Tuhan dan mengaku akan kerasulan Nabi kita Muhammad SAW, sembahyang lima waktu, puasa bulan ramadhan, menunaikan zakat dan naik haji ke Baitullah Al-Haram. Akan tetapi sekalian itu yang sebenarnya ialah pada zahirnya sahaja boleh dikatakan kewajipan kita kepada Allah semata-mata. Ada pun pada hakikatnya nyatalah dan tetaplah bahawa sekaliannya yang dikehendaki oleh rukun Islam yang lima dan juga oleh rukun iman yang enam perkara itu memang terkandung



Lagi suatu pemandangan di istana “al-Qasr” di Ishbiliah Spain yang menjadi tanda kebesaran Islam dahulu.

di dalamnya kewajipan kepada diri sendiri dan bagi faedah diri sendiri dan kewajipan kepada orang lain serta bagi faedah diri orang lain juga bersama-sama. Kerana tujuannya segala ajaran itu ialah bagi membaiki diri kita, dan dari situ membaiki masyarakat pergaulan kita seumumnya. Allah Taala tidak mengambil faedah atau berkehendakkan faedah daripadanya bagi dirinya. Firman Allah Taala (*wa man jaahada faimnaha yujaahidu linafsihi innalaha laghaniyyun amil alamin*: Al-Ankabut 6) ertinya: Dan barang siapa bersungguh-sungguh pada amalnya maka bersungguh-sungguhnya itu hanyalah bagi faedah dirinya jua. Bahawasanya Allah Taala tidak berkehendak apa-apa daripada sekalian alam. Dan firman-Nya lagi: (*man kafara faalaihikufrihu wa man amila solihan faliamfusihim yamhadun* : Ar-Rum 44) ertinya: “Barang siapa menolak tak mahu beriman maka ia akan menanggung kerana tolakannya itu, dan barang siapa berbuat amal yang baik maka adalah ia membentangkan tempat berehat yang nikmat bagi dirinya sendiri.” Demikian lagi firman-Nya (*man amilasolihan falinafsihu waman asa’a faqliha wama rabbika bizolamin lil’abid hum*: Sajadah 46) ertinya: “Barang siapa berbuat baik maka ia membuat kebajikan bagi dirinya, dan barang siapa berbuat jahat maka iaitu kejahatan di atas

dirinya: Tuhanmu tidak sedikit pun zalim kepada hamba-hambanya.”

Maka tiap-tiap satu daripada kewajipan yang beratus-ratus macam itu, baik jenis yang dikatakan kewajipan kepada diri atau yang dikatakan kewajipan kepada orang lain atau yang dikatakan kewajipan kepada Tuhan kita Subhanahu wa Taala. Boleh diuraikan dengan panjang lebar tiada habis-habis, kerana kawasanya meliputi seluruh medan makram akhlak yang Nabi kita telah dibangkitkan kerana tujuan hendak menjadikannya sempurna, demikian pula terliputi di dalamnya segala ajaran melarang yang sebaliknya iaitu sifat-sifat masawi akhlak yang berlawanan dengan makram akhlak itu pula di sini kita hanya dapat menyentuh sedikit dari tepi-tepinya sahaja daripada medan yang maha luas ini menurut pedoman bidalan Melayu “daripada cempedak baiklah nangka – daripada tidak baiklah ada – yakni walau sedikit pun jadilah, jangan tak disebut-sebut langsung seperti yang telah sudah-sudah.

Berkait dengan kewajipan-kewajipan manusia yang telah kita bahagikan kepada tiga bahagian ini untuk berusaha bagi meninggikan akhlak dan menjauhi sifat-sifat perangai yang rendah dan keji, bolehlah pula disebutkan di sini dengan ringkas peri perhubungan-perhubungan yang teratur bagi kedudukan manusia di dalam alam ini daripada segala ajaran Islam kita dapat mengemukakan bahawa kedudukan manusia di dalam alam ini adalah terlengkap di dalam tiga macam perhubungan: Iaitu pertama-tama perhubungannya dengan Allah Subhanahu wa Taala: Kedua perhubungannya dengan sama-sama manusia: Dan ketiga perhubungannya dengan makhluk-makhluk yang lain.

Tentang perhubungan yang pertama itu ia dikehendaki bertuhan kepada Tuhan yang satu sahaja iaitu Allah subhanahu wa Taala tiada lainnya: dan ia dikehendaki tunduk taat mengikut segala perintah Tuhan yang satu itu. Bahkan itulah tujuan yang tunggal ia telah dijadikan seperti firman Tuhan (*wa ma khalaktu jinna wa al-ins illa liyakbudun* : Adz-Dzaariyaat 56) ertinya: “Aku telah jadikan sekalian jin dan manusia itu tidak kerana lain

melainkan supaya beribadat akan daku” yakni taat menjunjung segala titah perintahnya dan menyempurnakan segala suruh larangannya seperti yang telah diterangkan dalam bahas kewajipan-kewajipan kita kepada Allah di atas tadi.

Tentang perhubungannya yang kedua iaitu dengan sesama manusia maka adalah ia dengan manusia yang lain sama rata pada pandangan Tuhan dan terhadap undang-undang Tuhan, tiada siapa lebih dan tiada siapa kurang pada zat dirinya: tiada kelebihan Arab daripada Ajam atau Ajam daripada Arab, tiada kelebihan kulit putih daripada kulit hitam dan tidak pula lebih kulit hitam daripada kulit putih, ukuran lebih atau kurang darjat dihadapan Allah itu hanya tergantung kepada satu pengukur sahaja, iaitu siapa yang lebih menyempurnakan kewajipannya kepada Allah maka dialah yang terlebih mulia pada Allah seperti firmannya (*inna akhramakum indallahi at’qokum* : Surah Al-Hujurat 13). Maka pada bicara ini boleh diberi beberapa ayat Quran yang lain dan beberapa hadith juga. Bahkan sehinggakan Rasulullah junjungan kita SAW yang begitu tinggi dan mulia darjat martabatnya di sisi Allah Taala itu pun lagikan disuruh mengaku bahawa pada kejadian dirinya itu tidak ada sesuatu jua kelebihan yang luar biasa atau berbeza daripada manusia yang banyak. Demikianlah kedudukan manusia: Di antara sesama manusia siapa yang lebih menjaga perintah Tuhan dialah yang lebih mulia darjatnya.

Adapun tentang perhubungannya yang ketiga pula iaitu di antara manusia dengan lain-lain makhluk Tuhan maka telah diterangkan oleh Tuhan bahawa manusialah makhluknya yang terlebih tinggi sekali kejadiannya daripada sekaliannya, tiada makhluk lain yang melebihi daripadanya pada pihak susunan kejadian. Firman Allah Taala (*laqat khalaqnal insana fi ahsani taqwim* : surah At-Tin 4). Ertinya: Sesungguhnya telah kami jadikan manusia itu dengan susunan kejadian yang terbaik sekali daripada lain-lain. Akan tetapi manusialah juga yang boleh turun jadi serendah-rendah daripada segala yang rendah, kecuali mereka yang beriman dan berbuat amal baik seperti firman Tuhan pula (*summa*



*Lagi suatu pemandangan di kebun istana "Al-Qasr"
di Ishbilah Spain. Tempat ini masyhur hingga sekarang tetapi
kebesarannya di tinggal di dalam ingatan jua.*

*radatnahu as'jala safilin *illa llazima amanu wa 'amilus
solihati : surah at-Tin 5-6).*

Jadi nyatalah pada ketiga-tiga perhubungan ini kewajipan yang ditanggungkan di atas manusia ialah mesti menyempurnakan suruh larangan Tuhan sebagaimana yang sedia termetera di dalam tabiat diri tiap-tiap seorang yang siuman akalunya, dapat mengenal baik daripada jahat : dan sebagaimana yang telah dibawakan dalam agama Islam oleh Rasulnya SAW yang telah mencontohkan pula akan ajaran-ajaran itu di dalam cara kehidupannya sendiri, bahawasanya

dengan itulah sahaja manusia boleh mendapat keperangan yang mulia dan martabat yang mulia dengan sebenar-benarnya seperti yang dimaksudkan dalam tujuan kejadiannya dari sediakala; dan dengan jalan berbuat demikianlah sahaja ia akan boleh dapat menguasai segala makhluk Tuhan yang lain-lain dan menetapkan keamanan dunia dengan sebenar-benarnya. Ada pun jika tiada di hiraukannya ajaran-ajaran baik jahat yang ditanggungkan ke atasnya itu maka ia boleh turun jatuh kepada serendah-rendah yang jatuh, bahkan terkebawah daripada binatang walaupun ia tinggi pelajaran, gagah perkasa dengan alat peperangan, kaya raya memerintah dunia, dan ada segala kelebihan madi (kebendaan) yang lain-lain.

Pendeknya barang sebanyak mana yang disempurnakan oleh seseorang dan oleh sesuatu bangsa daripada kehendak-kehendak yang ditanggungkan di atasnya oleh agama Islam dalam tiap-tiap satu perhubungan yang tiga ini, maka sebanyak itulah pula akan sempurnanya sifat-sifat kemuliaan akhlak pada diri orang dan bangsa yang mengerjakannya itu, dan sebanyak itulah pula kejayaannya dalam kehidupan dunia dan akhirat. Akhirnya, sekali lagi disebut oleh sebab tersangat pentingnya : bahawa sebagaimana pada diri satu-satu orang maka begitulah pula pada kumpulan satu-satu bangsa atau umat yang terjadi daripada perhimpunan diri satu-satu orang itu.

Dengan ini tamatlah bacaan kita berkenaan dengan kemuliaan perangai. Mudah-mudahan pada kali yang lain dapat pula diberi sedikit-sedikit pandangan berkenaan dengan salah satu kewajipan yang bermacam-macam yang tertanggung di atas kita sekalian itu.

(sambungan dari muka 14)

maka hendaklah kita mendiamkan diri sahaja dengan tidak menunjukkan segala kelakuan dan perangai yang boleh merosakkan hati dan perasaan. Pendek kata serapa yang terupaya janganlah sekali-kali kita menerbitkan sesuatu yang mengecilkan hati dan menghidupkan kemarahan mereka. (dalam bilangan yang akan datang insyaallah akan dinyatakan tertib dan sopan kepada ibu).